

ADA GOLONGAN— MAHU RUNTUHKAN SISTEM MONARKI — DR. MAHATHIR

12 JUN 1983

KUALA LUMPUR
11 Jun — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran tentang wujudnya satu gerakan untuk menimbulkan suatu suasana revolusi di negara ini bagi meruntuhkan sistem monarki yang ada sekarang.

Perdana Menteri memberitahu, asas gerakan itu adalah anggapan bahawa monarki adalah tidak baik dan perlu diganti, tidak kira sama ada sistem kini adalah betul-betul baik atau buruk.

“Oleh itu, sudah terdapat beberapa orang yang telah mula bercakap tentang revolusi di negara ini.

“Segolongan penuntut luar negeri berkata bahawa satu revolusi mesti diadakan untuk menggulingkan sistem (monarki) yang terdapat sekarang,” katanya ke-

pada para pemberita selepas mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini petang ini.

Perdana Menteri menyatakan demikian apabila ditanya tentang langkah yang akan diambil oleh kerajaan terhadap satu parti tertentu di negara ini yang dikatakan menggunakan gambar-gambar revolusi di sebuah negara lain untuk menimbulkan suasana revolusi di sini.

Bagaimanapun, Datuk Sri Dr. Mahathir tidak menyebut tentang langkah yang akan diambil oleh kerajaan terhadap golongan itu.

Beliau juga menjelaskan bahawa terdapat satu perbezaan besar antara golongan fundamentalis dan mereka yang menyeleweng dari Islam.

Katanya, golongan fundamentalis tidak merbahaya dan tidaklah sa-

lah tetapi apa yang ditakuti olehnya ialah golongan penyeleweng yang bercanggah dengan ajaran-ajaran Islam.

Jelasnya, ini kerana golongan fundamentalis tidak mendakwa orang lain bahawa mereka bukan Islam (kafir) tetapi perkara ini dilakukan oleh golongan penyeleweng tersebut.

Datuk Sri Dr. Mahathir menjelaskan demikian semasa menjawab satu soalan dari seorang pemberita yang ingin mengetahui sama ada kerajaan menakuti golongan fundamentalis atau tidak.

Sebelum itu, beliau menyelar satu parti pembangkang yang selalu membangkang tanpa mengira sama ada apa yang ditentang itu adalah baik atau buruk kepada negara.

Beliau memberi misalan tentangan yang ditimbulkan oleh parti itu terhadap Amanah Saham Nasional (ASN) dan telah menyeru kaum bumiputera supaya jangan menyertai skim tersebut.

“Nampaknya, tiada sebarang benda yang mana mereka tidak akan membangkang,” tambahnya.

Katanya, jika kaum bumiputera tidak menyertai skim ASN seperti mana yang disertai oleh parti itu, kaum bumiputera akan mendapati bahawa mereka tidak akan mempunyai bahagian mereka dalam ekonomi negara.

Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu ba-

hawa golongan ini menggunakan agama untuk mendakwa kononnya penubuhan Universiti Islam adalah satu alat propaganda dan Bank Islam adalah tidak Islam kerana para pegawainya memakai tali leher!

Bagaimanapun, Perdana Menteri tidak dapat menyatakan, sama ada parti itu sedang mendapat lebih sokongan tetapi mengingatkan bahawa mereka yang mengikutinya telah menjadi begitu ‘melampau’ sehingga mereka menganggap diri mereka sebagai berbeza dengan golongan Islam yang lain.

“Tidak mengapa jika mereka membangkang tetapi janganlah sehingga tahap membohong.”

Ditanya tentang langkah-langkah yang mungkin diambil oleh kerajaan terhadap kegiatan parti berkenaan, Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa kerajaan akan terus menjelaskan kepada rakyat tentang apa yang dilakukan oleh kerajaan.

Ditanya sama ada tindakan tegas akan diambil terhadap mereka itu, beliau memberitahu bahawa langkah itu hanya akan diambil sebagai langkah terakhir.

“Tetapi mereka mesti ingat bahawa masih terdapat Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan jika mereka menimbulkan ancaman kepada keselamatan negara, kami mungkin menggunakannya,” ujarnya lagi.